



PERCUMA 3 - 10 Oktober 2014, 8 - 15 Zulhijjah 1435



Sampah antara punca Kajang banjir

muka 13

Rizab RM3.3 bilion akan diguna

muka 3

Kemelut yuran Unisel

muka 6 & 7



Langkah pertama pentadbiran baharu

Azmin kaji potong elaun Exco, Adun

OLEH NAEEM RAFFI

SHAH ALAM - Keputusan pertama yang dibuat Datuk Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dan Exconya ialah mengkaji semula kenaikan elaun hingga 300 peratus yang mencetus kontroversi sebelum ini.

Beliau berkata, kajian itu melibatkan jawatan Menteri Besar, Exco, Speaker dan Timbalan Speaker Dewan Negeri Selangor (DNS).

"Kami akan kaji semula kenaikan elaun yang diputuskan pada 22 November 2013. Usul itu akan dikemukakan pada sidang DNS November ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusi mesyuarat Exco pada 1 Oktober lalu, buat pertama kali sejak pelantikannya.

Ditanya sama ada kajian itu untuk menaik atau mengurangkan elaun berkenaan, Mo-

hamed Azmin berkata, elaun berkaitan akan dipotong.

Sebelum ini, bekas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, mengusul kenaikan gaji asas dan elaun semua Adun di Selangor.

Ia mendapat kritikan pelbagai pihak ekoran kenaikan beberapa jawatan itu mencapai pertambahan sehingga 300 peratus.

Isu itu mendapat perhatian semula apabila Mohamed Azmin dilantik menggantikan Abdul Khalid. Banyak pihak berpendapat kenaikan wajar, tetapi angkanya keterlaluhan.

Untuk cadangan asal, gaji Menteri Besar naik dari RM14,175.15 kepada RM29,250; Exco (RM6,109.29 kepada RM22,500); Timbalan Speaker (RM3,327.50 kepada RM15,750) dan Adun (RM6,000 kepada RM11,250)



MESRA... Datuk Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali, berbual dengan kanak-kanak yang menyertai aktiviti mewarna sewaktu merasmikan Hari Komuniti Bandar Hijau MPSJ di One City Mall. Pelbagai aktiviti diadakan, antaranya larian hijau, kayuhan Fun Ride, pameran dan gerai jualan selain pelancaran bas elektrik kepada orang awam.

Gambar oleh Asrie Sapfie

MAJLIS KESYUKURAN & SAMBUTAN EIDUL ADHA

BERSAMA:

YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

TARIKH : 6 OKT 2014 (ISNIN)

MASA : 10 PAGI - 2 PTG

TEMPAT : PADANG AU2, TAMAN KERAMAT



selangorku

SEMUA DIJEMPUT HADIR



Mula-mula kaji perjanjian air, kemudian KIDEX

SHAH ALAM - Datuk Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali mahu mengkaji semua perjanjian yang diputuskan bekas Menteri Besar, Tan Sri

Abdul Khalid Ibrahim. Beliau berkata, tindakan itu bagi memastikan semua hubungan dan kepentingan awam berkaitan perjanjian

berkenaan, diambil kira.

"Kita belum meneliti isu Kidex kerana keutamaan yang kita berikan adalah isu air.

"Satu taklimat khas dilakukan pada 2 Oktober oleh Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) mengenai penstrukturan semula air di Se-

langor," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusi mesyuarat Exco, 1 Oktober lalu.

Khalid minta SPRM siasat perjanjian

SHAH ALAM - Bekas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim (*gambar*) mengalu-alu semua pihak termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menyemak dan menyiasat semua perjanjian yang ditandatangani.



"Ini termasuk perjanjian penstrukturan semula industri air Selangor dan perjanjian pembangunan Canal City.

Peguam saya akan keluaran kenyataan penuh berhubung hal ini," katanya melalui Facebook pada hari sama Datuk Seri Anwar Ibrahim membuat kenyataan.

Dedahkan penerima manfaat jutaan ringgit

SEBERANG JAYA - Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta Datuk Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali mendedahkan senarai syarikat dan individu yang mendapat manfaat jutaan ringgit hasil rundingan air.

Beliau berkata, ia penting demi ketelusan, malah rakyat Selangor patut tahu siapa yang mendapat manfaat daripada kontrak yang ditandatangani Tan Sri Khalid Ibrahim.

Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu, berkata Mohamed Azmin sudah diberitahu untuk menyenarai individu atau pemegang saham di syarikat berkaitan.

Saya tidak kisah jika orang ramai mendapat faedah daripada rundingan itu tetapi siapa yang akan

membayarinya?

Rakyat Selangor, katanya ditepik Malaysia Kini ketika ditemui di ceramah menentang Akta Hasutan 1948 di Seberang Jaya, Pulau Pinang 27 September lalu.

Pada 12 September lalu, Kerajaan Selangor dan Putrajaya memeterai perjanjian utama bagi memuktamad penstrukturan industri perkhidmatan bekalan air Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Menerusi perjanjian utama itu, Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) mengambil alih operasi dan penyelenggaraan loji rawatan air serta perkhidmatan pembekalan air.

Di Shah Alam, Anwar khuatir pemeteraian perjanjian air yang

dibuat tergesa-gesa, selain mempersoal individu mana yang mendapat keuntungan hasil perjanjian itu.

Nak berebut luluskan kontrak air itu sebab apa? Siapa yang dapat kontrak dan berapa banyak keuntungan itu?

"Jika terlalu banyak untuk dua tiga orang atasan memperoleh kekayaan, adakah akan memberi kesan kepada rakyat yang terpaksa bayar tarif air yang tinggi?" katanya.

Bagaimanapun, beliau menolak kemungkinan bekas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim ada unsur rasuah dalam pemeteraian itu.

Saya tidak tuduh rasuah tapi tidak ada ketelusan, katanya.

Anwar tak akan campur tangan

SHAH ALAM - Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak akan campur tangan dalam urusan pentadbiran pentadbiran baharu Kerajaan Selangor pimpinan Datuk Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali.

Sebaliknya, beliau hanya meminta penjelasan daripada pentadbiran baharu itu mengenai isu kenaikan gaji wakil rakyat, projek Lebuh Raya Kinrara-Damansara (KIDEX) serta perjanjian air.

"Saya hanya minta penjelasan supaya kita dapat maklumat ini, saya tidak tentukan apa-apa dan hukuman.

"Siapa untung itu hak dia tapi proses kena ikut. Peraturan kena ikut, jangan untung untuk orang atas kerana kita mahu pertahankan kedudukan, kemudian rakyat kena bayar lebih," katanya.



MUAFKAT... Datuk Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali, berjabat tangan dengan Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Iskandar Samad, selepas selesai mempengerusikan mesyuarat Exco sambil diperhatikan Exco Tetap Pelaburan, Perindustrian (IKS), Perdagangan dan Pengangkutan, Datuk Teng Chang Kim. Mesyuarat Exco ini yang pertama selepas Mohamed Azmin dilantik menjadi Menteri Besar Selangor yang baharu pada 23 September lepas

Rizab RM3.3 bilion akan dimanfaatkan untuk rakyat - Azmin



HULU KELANG - Datuk Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali berikrar untuk memanfaatkan rizab tunai RM3.3 bilion dalam perbendaharaan negeri untuk manfaat rakyat Selangor.

"Setiap sen dana negeri Selangor adalah milik rakyat dan bukan milik pemimpin.

"Cara saya dana itu bukan di kertas tetapi diterjemah kepada program yang dapat memberi manfaat kepada rakyat Selangor," katanya dipetik Malaysia Kini.

Beliau berkata demikian pada ucapan di rumah ibunya di Kam-

pung Klang Gate Baru, Hulu Kelang, 23 September lalu.

Isu rizab itu antara kritikan terhadap Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sejak masuk penggal kedua menerajui Selangor sekalipun 17 skim kebajikan disediakan melalui program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

Kritikan itu datang dari pelbagai pihak termasuk pimpinan Pakatan Rakyat mahupun orang ramai berikutan rungutan mengenai beberapa isu termasuk kutipan sampah dan keadaan jalan raya.

“

Setiap sen dana negeri Selangor adalah milik rakyat dan bukan milik pemimpin.

Cara saya dana itu bukan di kertas tetapi diterjemah kepada program yang dapat memberi manfaat kepada rakyat Selangor

MOHAMED AZMIN
Datuk Menteri Besar

PENDAPAT ORANG RAMAI


Pelaksanaan GST akan memberi kesan besar kepada rakyat terutama industri hartanah. Sudah pasti ketika itu kenaikan harga rumah di luar kemampuan rakyat. Saya harap Kerajaan Negeri peka dan gunakan rizab negeri itu untuk bantu rakyat memiliki rumah

Hadi Hassan
27, Juruteknik



Jika rizab digunakan untuk pelancongan, bukan memberi pulangan pendapatan, malah aspek kebersihan persekitaran, tandas awam, sistem pengangkutan dan pembangunan infra berkaitan juga dapat ditingkat. Itulah manfaat yang rakyat akan terima

Zaimi Hazry
39, Pekerja swasta



Selama ini buka paip, air keruh dan berkarat. Pengguna perlu keluar modal sendiri beli penapis air dan membeli air terawat di untuk keperluan harian. Jadi, ada keperluan untuk belanjakan rizab itu demi memastikan rakyat menerima bekalan air bersih berkualiti kerana ia keperluan asas


Mohd Nazir Abdul Latif,
50, Pegawai tadbir



Untuk individu, angka RM3.3 bilion memang besar. Tetapi untuk keperluan pentadbiran negeri dengan rakyatnya sebanyak 5.2 juta orang, rizab itu bukan suatu yang harus dibanggakan.

Kerajaan Negeri perlu meneroka peluang pelaburan baru untuk tingkatkan rizab. Bukan amal sikap kedekut tetapi tingkatkan rizab dalam tempoh 10 hingga 15 tahun lagi. Pada masa sama belanjakan sedikit untuk keperluan mendesak

Shaizal Adzha Sauddin
40, Eksekutif pemasaran



Anwar masih Penasihat Ekonomi Selangor

SHAH ALAM - Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak pernah dipecat dari jawatan Penasihat Ekonomi Selangor, kata Datuk Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Ini kerana, katanya, bekas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menerusi mesyuarat exco terakhirnya hanya menutup pejabat berkenaan.

"Kita sudah teliti minit mesyuarat exco lalu (22 September), yang diputuskan Tan Sri Khalid Ibrahim ialah



menutup pejabat, jadi tidak timbul soal pemecatan," katanya.

Beliau berkata demikian

pada sidang media selepas mempengerusi mesyuarat exco, 1 Oktober lalu.

Mohamed Azmin berkata, exco juga akan membincang semula peranan Penasihat Ekonomi Selangor itu dalam membantu pembangunan ekonomi negeri.

Jika perlu, katanya, kemudahan termasuk pejabat sesuai dengan peranan yang bakal dimainkan Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu, akan disediakan.

OLEH AFEEQA AFEERA

SUBANG JAYA - Pentadbiran Kerajaan Negeri yang baharu perlu bekerja lebih kuat setiap hari dan bukan hanya 100 hari pertama sahaja, kata Datuk Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, pelbagai isu perlu diselesaikan segera terutama berkaitan pihak berkuasa tempatan (PBT) antaranya isu pengurusan sisa pepejal dan penyelenggaraan jalan raya.

Selain itu, katanya isu pen-

Isu sampah dan pendidikan harus diberi tumpuan utama

didikan juga perlu diberi tumpuan khusus untuk memastikan rakyat menikmati pendidikan terbaik.

“Kita bincang dalam bajet akan datang bagaimana Kerajaan Negeri boleh main pera-

nan untuk bantu PBT dan beri tumpuan kepada pendidikan.

“Jaminan jangka panjang kita ialah mewujudkan masyarakat berilmu kerana dengan ilmu kita boleh bersaing dalam suasa global,” katanya

Beliau berkata selepas merasmikan Hari Komuniti Bandar Hijau Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) di One City Mall, baru-baru ini

Mohamed Azmin mengangkat sumpah sebagai Menteri

Besar ke-15 pada 23 September lalu menggantikan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Pelantikan itu dijangka menamatkan kemelut isu Menteri Besar yang menjadi kerisauan umum sejak beberapa bulan lalu.

GERAMM mahu kebebasan media diamal

SHAH ALAM - Gerakan Media Marah (Geramm) berharap pentadbiran baharu di Selangor mendukung prinsip kebebasan media.

Jurucakapnya, Radzi Razak berkata harapan itu selari dengan janji Pakatan Rakyat (PR) dan Kerajaan Negeri pimpinan PR sebelum ini.

Dalam konteks itu, katanya, kebebasan media bermaksud tidak menguasai media rasmi negeri dari dikuasai Kerajaan Negeri mahupun parti pemerintah.

“Saya minta Kerajaan Negeri mendukung prinsip kebebasan media dan semangat Enakmen Kebebasan Maklumat 2010 FOI yang dijanjikan Kerajaan Negeri.

“Ia termasuk tidak memanipulasikan mana-mana syarikat media baik milik Kerajaan Negeri atau parti,” katanya kepada Selangor Kini.

Pada 23 November lalu, Ketua Pengarang Selangor Kini, Fazallah Pit berharap pentadbiran baharu Kerajaan Selangor

“**Saya minta Kerajaan Negeri mendukung prinsip kebebasan media dan semangat Enakmen Kebebasan Maklumat 2010 FOI yang dijanjikan Kerajaan Negeri**

RADZI RAZAK
Jurucakap Geramm

menjamin kebebasan media dalam melaporkan isu semasa negeri ini.

Ia ekoran pertukaran tampuk pentadbiran apabila Mohamed Azmin Ali mengangkat sumpah menggantikan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Selangor Kini yang memiliki portal berita, akhbar dan webtv dikendalikan Communication Corporation Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Perbadanan Menteri Besar (MBI).

Berpolitik biar secara matang

SHAH ALAM - Ketidakmatangan amalan politik di negara ini menyebabkan sedikit puji-pujian pihak lawan terhadap seseorang kedegaran janggal hingga individu itu pula mudah dilabel tali barut.

Merujuk sokongan Tun Dr Mahathir Mohamed terhadap Menteri Besar baharu, Penerimaan Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Dr Maszlee Malik (**gambar**), berkata:

“Isunya bukan siapa puji siapa, tetapi hanya menunjukkan tahap berpolitik di Malaysia yang masih belum mencapai kematangan.

“Kita belum capai politik idea yang asas politiknya secara gentleman. Belum ada di Malaysia,”



katanya kepada Selangor Kini.

Beliau percaya andainya sesuatu puji-pujian atau kritikan boleh diterima secara terbuka, ia menunjukkan suatu kematangan dalam berpolitik.

Dr Mahathir menunjukkan sokongan terbuka terhadap pelantikan Mohamed Azmin Ali

sebagai Menteri Besar baharu, ketika ditanya media.

Bekas Perdana Menteri itu berharap majoriti Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selangor tidak membuat undi tidak percaya bagi mengelak kemelut politik berterusan.

Dalam hal itu, Maszlee menyalahkan sikap pimpinan Umno Barisan Nasional yang mudah memberi gambaran buruk terhadap pemimpin Pakatan Rakyat tanpa alasan kukuh.

Katanya, BN memerlukan lebih ramai pemimpin seperti Datuk Saifuddin Abdullah, Khairy Jamaluddin atau Datuk Nur Jazlan Mohamed yang bersikap terbuka termasuk memuji pemimpin parti lawan.



KERJASAMA... Datuk Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, bersama barisan Exco Selangor dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Khusrin Munawi, mengadakan lawatan dan pertemuan dengan Ketua Polis Selangor, Datuk Abdul Samah Mat di IPK Selangor, di Seksyen 9 Shah Alam. Pertemuan tersebut bertujuan menjalinkan hubungan baik kepimpinan yang baharu dengan polis Selangor

Selangor Kini

SIDANG PENGARANG

KETUA PENGARANG: Fazallah Pit

PENGARANG BERITA: Hafizh Mokhtar

PENGARANG BERITA: Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut

PEMBANTU PENGARANG: Rusidah Salim

WARTAWAN: Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,

Afif Redzuan: afifredzuan@gmail.com, Lizawati Madfa: lizalyn84@gmail.com,

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim: nazliibrahim@gmail.com,

Norfarahidayu Baharudin: ayu_tvs@yahoo.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: news@selangorkini@gmail.com



**MOHAMED AZMIN ALI
DATUK MENTERI BESAR**
Pengerusi Jawatankuasa Tetap
Kewangan, Pembangunan Tanah,
Pengurusan Sumber Alam,
Majlis Tindakan Ekonomi Selangor
dan Penerangan

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor 2014



Teng Chang Khim
Pengerusi Jawatankuasa Tetap
Pelaburan, Perindustrian (IKS) &
Perdagangan dan Pengangkutan



Iskandar Abdul Samad
Pengerusi Jawatankuasa Tetap
Perumahan, Pengurusan Bangunan
dan Kehidupan Bandar



Elizabeth Wong Keat Ping
Pengerusi Jawatankuasa Tetap
Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi
Hijau dan Hal Ehwal Pengguna



Ean Yong Hian Wah
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan
Tempatan, Pemutihan Kilang Haram
dan Pembangunan Kampung Baru



Dr. Ahmad Yunus Hairi
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal
Ehwal Agama Islam, Jawatankuasa
Adat Melayu, Pembangunan Desa
dan Kampung Tradisi



Dr. Daroyah Alwi
Pengerusi Jawatankuasa Tetap
Kesihatan, Kebajikan,
Hal Ehwal Wanita dan Keluarga



Ganapathi Rao a/l Veraman
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kemiskinan,
Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang



Nik Nazmi Nik Ahmad
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan,
Pembangunan Modal Insan, Sains dan
Teknologi dan Inovasi



Amirudin Shari
Pengerusi Jawatankuasa Tetap
Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan
dan Pembangunan Usahawan



Zaidy Abdul Talib
Pengerusi Jawatankuasa Tetap
Infrastruktur, Kemudahan Awam
dan Industri Asas Tani



Mahasiswa dan kakitangan Unisel mengambil peluang bergambar bersama Anwar

Mahasiswa akui kes penamatan akibat yuran

OLEH NAEEM RAFFI

SHAH ALAM - Mahasiswa Universiti Selangor (Unisel) mengalu-alu cadangan Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya menurunkan yuran pengajian dan melonggar syarat langcai hutang. Tinjauan Selangor Kini berhampiran kampus pusat pengajian itu di Seksyen 7 di sini mendapati mereka berharap ia dapat direalisasi kelak.

“

Tanpa yuran seseorang mahasiswa tidak dibenarkan menduduki peperiksaan. Tetapi, mungkin ada kaedah lain (timbang tara) dari Unisel untuk kes seumpama ini

AHMAD MUHAIMIN
Mahasiswa Bio
Medic Sains
Kesihatan



Mahasiswa Bio Medic Sains Kesihatan, Ahmad Muhaimin Junid pula berkata rakan baiknya terpaksa menamat pengajian di tengah jalan kerana gagal melangsaikan yuran untuk menduduki peperiksaan.

“Tanpa yuran seseorang mahasiswa tidak dibenarkan menduduki peperiksaan. Tetapi, mungkin ada kaedah lain (timbang tara) dari Unisel untuk kes seumpama ini.

“Ada sebab mereka gagal langcai hutang dan rugi jika mahasiswa seorang mahasiswa pintar tetapi tidak berkemampuan kerana keluarganya miskin,” katanya.

Baru-baru ini, Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta pentadbiran Unisel melonggar syarat yuran bagi mengelak kejadian mahasiswa dihalang daripada menduduki peperiksaan.

Bagaimanapun, beliau tidak menyalahkan pentadbiran Unisel yang terikat dengan dasar Kerajaan Negeri sebelum ini.



“

Yuran pembelajaran mencecah RM2,400 untuk semesta ini. Itu belum belanjauan bulanan, sewa rumah, makan minum dan bahan pembelajaran setiap bulan hampir RM800

NOOR SAHIDAH
Mahasiswa Diploma Pengurusan
Perniagaan (DBM)

Bersambung >>

Selain faktor yuran, Mahasiswa Diploma Pengurusan Perniagaan (DBM), Noor Sahidah Mohd Saudi, berkata, mahasiswa sedia kala dihimpit masalah kewangan ekoran kehidupan di bandar raya sangat mencabar.

“Yuran pembelajaran mencecah RM2,400 untuk semesta ini. Itu belum pembelanjaan bulanan, sewa rumah, makan minum dan bahan pembelajaran setiap bulan hampir RM800,” katanya.

Keluhan pelajar semesta lima itu turut dikongsi Mohd Asyaf Mohd Faizal dari jurusan sama.

“Cadangan penurunan itu ada asasnya. Saya sebagai mahasiswa sudah tentu menyokong kerana rata-rata kami bukan orang senang.

“Jika ia baik untuk kedua-dua pihak (Unisel dan mahasiswa), saya harap ia dilaksanakan,” katanya.

“

Cadangan penurunan itu ada asasnya. Saya sebagai mahasiswa sudah tentu menyokong kerana rata-rata kami bukan orang senang

MOHD ASYAF MOHD FAIZAL

Pengurusan Perniagaan (DBM)



MPP: Jangan yuran rendah tapi kemudahan ditarik

SHAH ALAM - Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Selangor (Unisel) berpendapat yuran di pusat pengajian tinggi itu antara terendah berbanding institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Bagaimanapun, Naib Yang Dipertuanya, Adeeb Farhan Ahmad Fadzillah menyambut baik saranan Anwar yang disifatkan sebagai prihatin terhadap masalah mahasiswa universiti itu.

“Kita mengalu-alukan kenyataan itu. Yuran tinggi pastinya membebankan terutama bagi pelajar miskin dan kurang berkemampuan.

“Namun kita berharap jika dikurangkan, ia bersesuaian dan tidak pula ada antara kemudahan dikurangkan,” katanya kepada SelangorKini.

Secara perbandingan, Adeeb Farhan berkata, kadar yuran di Unisel yang tidak dianggap sebagai institusi pengajian awam (IPTA) masih rendah berbanding IPTS lain iaitu kira-kira dua kali ganda.

“MPP juga mengadakan perbincangan dengan pengurusan universiti mengenai kumpulan mahasiswa yang gagal membayar yuran pengajian. Setakat ini kira-kira 99 peratus kes selesai.

“Majoriti pelajar dapat



“

Cakap itu ini murah, sudah tentu semua pelajar suka. Tetapi kita bimbang bila ia murah, banyak kemudahan seperti perpustakaan ditarik balik

QURRATU AINI ALI MUHAMED

Bendahari Agung MPP Unisel

menduduki peperiksaan mereka,” katanya.

Bendahari Agung MPP Unisel, Qurratu Aini Ali Muhamed pula berkata isu itu seakan-akan tiada penghubungnya biarpun beberapa kali dibangkitkan.

“Cakap itu ini murah, sudah tentu semua pelajar suka. Tetapi kita bimbang bila ia murah, banyak kemudahan seperti perpustakaan ditarik balik,” katanya.

“

Kita mengalu-alukan kenyataan itu. Yuran tinggi pastinya membebankan terutama bagi pelajar miskin dan kurang berkemampuan

ADEEB FARHAN AHMAD FADZILLAH

Naib Yang Dipertua MPP Unisel



Sebahagian daripada kakitangan dan mahasiswa Unisel yang hadir

Peruntukan SMUE Pelabuhan Klang dibeku?

SHAH ALAM - Pentadbiran baharu Kerajaan Selangor diminta memberi penjelasan mengenai dakwaan pembekuan peruntukan Skim Mesra Usia Emas (SMUE) terhadap kawasan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Pegawai Khas kepada Adun Pelabuhan Klang, Faekah Hussin, berkata ia membabitkan DUN Pelabuhan Klang dan Parlimen Bandar Tun Razak.

Katanya, arahan itu didakwa dibuat Bendahari Negeri Selangor pada 25 September lalu, dua hari selepas penarikan teraju pentadbiran negeri.

Beliau menyifatkan tindakan itu ‘nampaknya’ seolah-olah mahu menghukum Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan penduduk Pelabuhan Klang dan Bandar Tun Razak.

“Amat menyedihkan tindakan ini dilakukan terhadap bekas Menteri Besar yang selama ini bertungkus-lumus memperkasa program kebajikan rakyat di bawah Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

“Ternyata segala jasa Abdul Khalid selama lebih enam tahun menerajui Selangor dilupakan begitu sahaja kerana politik dendam,” katanya.

Faekah percaya pimpinan negeri lain tidak bersetuju dengan tindakan itu kerana ia boleh membangkitkan ke-

bencian berterusan terhadap Pakat-an Rakyat (PR).

Beliau juga menuduh Datuk Menteri Besar yang baharu, Mohamed Azmin Ali memulakan langkah sumbang dan menghancurkan hormat rakyat dan pegawai kerajaan kepada pemimpin negeri.

“Budaya ini amat berbeza di bawah pentadbiran Abdul Khalid yang menyemai budaya kerja secara profesional tanpa dipengaruhi agenda politik dan peribadi,” katanya.

Tak dibincang langsung - Exco

EXCO Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi berkata hal itu tidak dibincang dalam mesyuarat exco yang pertama kali berlangsung pada hari

dakwa itu dibuat.

“Tiada maklumat tentang perkara itu. Perkara itu juga tidak dibincangkan dalam mesyuarat Exco,” katanya ketika dihubungi Selangor Kini.



▲ Adun Hulu Kelang, Saari Sungib bersama Pemangku YDP MPAJ, Abd Hamid Hussin menyampaikan plak penyertaan kepada Kumpulan Grasshopper sempena Perasmian 2nd RAKAn International Veteran Soccer 9's di Padang MPAJ, Kuala Ampang



▲ Adun Balakong, Eddie Ng Tien Che, melawat kawasan banjir kilat di Taman Indah Cheras



▲ Seminar SPM (teknik menjawab soalan) anjuran Dewan Pemuda PAS Subang, di Paya Jaras. Adun Paya Jaras, Mohd Khairuddin Othman, hadir pada majlis penutupan program



▲ Persuruhjaya PAS Selangor, Iskandar Samad memeriksa perbarisan pada hari terakhir Jambori Amal Negeri Selangor di Ulu Perdik, Hulu Langat



▲ Adun Taman Medan, Haniza Talha, memberi pinjaman kerusi roda kepada Saravanan bagi membantu isteri beliau yang sukar berjalan selepas pembedahan di bahagian pinggang

OLEH RONASINA

Hope2Walk merupakan kempen kesedaran untuk masyarakat mengenali apakah maksud kecacatan Cerebral Palsy (CP) atau Kelumpuhan Otak.

Pada Oktober 2011 kempen ini diasaskan penulis dan isteri, Raja Rohaisham Raja Muhaidin untuk mencari dana pembiayaan perubatan dua anak beliau, Annisa dan An-Nur yang mengalami kecacatan Cerebral Palsy ke Beijing.

Dengan bantuan rakan dan sukarelawan, pelbagai kempen dianjurkan bagi mengutip dana melalui acara kesenian, lelongan amal, persembahan dan pelbagai lagi.

Sedihnya, Annisa meninggal dunia pada Disember 2011, sebelum sempat dibawa ke Beijing. Hanya An-Nur berpeluang ke sana.

Sebaik pulang dari Beijing, selepas empat bulan menjalani sesi rawatan di sana, Hope2Walk terus mempergiat-

Kempen kesedaran tentang anak Cerebral Palsy



kan usaha dengan menganjurkan pelbagai aktiviti bagi tujuan melebarkan kempen untuk memberi pendedahan kepada masyarakat apa itu CP.

Cerebral Palsy sejenis kecacatan pada otak, otot atau saraf yang mana pengendaliannya terganggu. Atau bahasa mudahnya kecederaan pada otak.

Pelbagai faktor dikesan, punca CP, antaranya jangkitan daripada ibu yang sakit ketika mengandung, kecuaiian atau komplikasi ketika melahirkan seperti kekurangan oksigen dalam otak, demam panas, de-

mam kuning, rubella, meningitis atau mungkin anak yang sihat mengalami kemalangan sehingga otak cedera seperti terjatuh, lemas dalam kolam dan sebagainya.

Ringkasnya, sesiapa sahaja berpotensi mendapat anak CP.

Walau bagaimanapun faktor genetik sangat kecil, tetapi peratusan besarnya disebabkan contoh-contoh yang diberi.

Dianggarkan setiap seribu kelahiran, dua mengalami kecacatan Cerebral Palsy.

Umum sudah sedia mendengar tentang kecacatan lain seperti Down Syndrome, Autisme, Hyperactive dan lain-lain tetapi CP jarang.

Peluang untuk anak yang mengalami CP untuk sembuh tipis dan cukup sukar. Tetapi latihan rangsangan dan pemulihan perlu dilakukan berterusan agar mereka boleh mencapai tahap hidup sebaik mungkin.

Di sinilah pengasas kempen Hope2Walk cuba memainkan peranan untuk memberikan penerangan sejelasnya kepada semua pihak tentang CP dengan mengajukan beberapa cadangan bagi membantu



JENIS - JENIS CP

- **Spastik (kaku)** - 65% CP masuk di dalam kategori ini
- **Athetoid** - kurang upaya mengawal gerak otot, biasanya gerakan dan posisi badan juga tidak normal
- Kombinasi kedua-duanya Spastik dan Athetoid
- **Hipotonis** - Otot lemah sehingga tubuh terkulai. Akhirnya akan menjadi spastik dan athetoid.

mengatasi masalah ini. Antaranya, mendesak kerajaan membina sekolah atau pusat khas harian bantuan sepenuhnya untuk kanak-kanak CP atau kategori Orang Kelaianan Upaya (OKU) terlan-tar. Sebagaimana kanak-kanak lain bersekolah, kanak-kanak

ini juga wajar menikmati pendidikan mengikut potensi mereka agar boleh memperbaiki kualiti hidup.

Apakah anak OKU terlan-tar ini dilahirkan hanya untuk di-biarkan begitu sahaja sehingga mereka mati?

Apakah kerajaan, masyarakat dan keluarga hanya mampu memerhati sahaja dan tidak memikirkan apa bentuk penyelesaian? Apakah dengan wang bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat sudah selesai segala-galanya?

Jangan hanya bermain dengan slogan molek penuh retorik seperti Masyarakat Penyayang, Kepedulian Rakyat tetapi biarlah melaksana seiring mengungkapkannya.

Penulis merupakan pengasas kempen Hope2walk



Lima tahun tiada geran peruntukan seni

SHAH ALAM - Penganjur seni dan budaya mahu peruntukan dana disalurkan bagi mengaktifkan kembali kegiatan kesenian dan kebudayaan di negeri itu.

Aktivis budaya, Dr Ibrahim Ghaffar menyifatkan Majlis Kebudayaan Negeri Selangor (MKNS) selaku pelaksana kegiatan kesenian tidak menerima geran daripada Kerajaan Negeri sejak lima tahun kebelakangan ini, menyebabkan kegiatan kesenian beran-

sur suram dan perlahan-lahan lumpuh.

"Bila dana (geran) tidak ada, kegiatan seni terbatas dan ia hanya dilakukan di kalangan sesama kami. Tiada lagi 'Sepetang Puisi' dan 'Puisi Anggerik' yang kami bacakan setiap bulan (sebelum itu) di Dataran Shah Alam, Kompleks PKNS dan juga Laman Budaya.



"Penulis, penyair, sasterawan, penari mahupun pesilat dapat manfaat. Akhir-akhir ini ia tiada seperti sudah mati dan kami terpaksa ke Kuala Lumpur dan negeri jiran untuk kegiatan seni," katanya kepada Selangor Kini.

Dr Ibrahim berkata Selangor ada kemudahan cukup untuk kegiatan kesenian namun ia

tidak dimanfaatkan sepenuhnya.

"Kita ada Royal Theater (Shah Alam) yang canggih dan kelas, tetapi hanya satu dua kegiatan kesenian dianjurkan.

"Kita harapkan dengan kepimpinan Menteri Besar baharu ini dapat melihat, menilai dan mengaktifkan kembali program seni dan budaya di Selangor," katanya.

Bimbang rakyat tidak berjiwa dan buta seni budaya, beliau berkata, budayawan tidak menolak pembangunan

fizikal tetapi ia perlu bergerak seiring tanpa meminggirkan pembangunan jiwa dengan seni dan budaya.

"Kesenian ini jangan diabaikan. Jika tidak, manusianya tanpa manusiawi, manusia tiada jiwa, tiada hormat," katanya.

Bagaimanapun, kegiatan seni yang dijalankan kelompok indie yang kebanyakan anak muda tidak terjejas sekalipun tanpa bantuan kewangan.

MPSJ Bandar Hijau menjelang 2030

OLEH: AFEEQA AFEERA

SUBANG JAYA - Projek Bandar Hijau Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) merupakan usaha proaktif pihak berkuasa tempatan (PBT) meningkatkan mutu kehidupan masyarakat bandar.

Datuk Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata pelaksanaan projek berkenaan tepat pada masanya kerana konsep 'hijau' menekankan ciri mesra alam menjadi trend global dalam agenda pembangunan bandar.

Malah beliau yakin tema kemampuhan bandar ini terus menjadi agenda utama dalam rangka kerja perancangan bandar di Malaysia, khususnya di Selangor.

"Projek seumpama ini mungkin merupakan perkara baru bagi masyarakat kita, namun idea dan pandangan ini mulai menular secara global," katanya semasa merasmikan Hari Komuniti Bandar Hijau MPSJ di One City Mall, di sini, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Mohamed Azmin turut mengingatkan masyarakat supaya sedar terhadap aktiviti yang boleh meninggalkan kesan negatif kepada ekologi alam sekitar.

Katanya masyarakat perlu memainkan peranan yang lebih peduli kepada alam sekitar bagi mengurangkan kemudaratan kepada ekologi alam.

"Di Eropah kini terdapat pembangunan bandar menerapkan prinsip hijau dalam proses pembangunan semula.

"Manakala Park City Minami Senrioka di Osaka pula merupakan satu inisiatif bandar rendah karbon yang turut dilengkapi stesyen kereta api neutral karbon yang pertama di Jepun," katanya.



Mohamed Azmin melihat model Subang Jaya menjelang 2030

PBT pertama terima penarafan 5 bintang

SUBANG JAYA - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) merupakan PBT pertama yang memperolehi penarafan lima bintang melalui Sistem Penarafan Bintang oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada Mei lalu.

"Saya rasa PBT lain juga akan mengikuti langkah MPSJ dan sesungguhnya pihak kementerian sangat berbangga dengan usaha MPSJ itu," kata Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Harjeet Singh.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Penutup Seminar Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon di One City Garden Boulevard West, di sini.

Menyentuh usaha menjadikan bandar-bandar di negara ini sebagai bandar rendah karbon, Harjeet berkata, PBT di Selangor juga dilihat giat memainkan

“ Saya rasa PBT lain juga akan mengikuti langkah MPSJ dan sesungguhnya pihak kementerian sangat berbangga dengan usaha MPSJ

HARJEET SINGH

Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

peranan bagi menjayakan usaha terbabit.

"Bila ditanya pencapaian, antaranya kita kurangkan penggunaan plastik yang sudah dimulakan di Selangor dan juga beberapa negeri lain.

"Kami di peringkat kementerian amat mengalu-alukan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri bagi mencapai sasaran bandar rendah karbon," kata Harjeet lagi.

Task force tingkat kecekapan urus aduan awam

SHAH ALAM - Satu jawatankuasa bertindak ditubuh bagi menambahkan proses pengurusan aduan awam, selain memantapkan perkhidmatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Inisiatif bertujuan memperkemas Sistem Pengurusan Perhubungan Pelanggan (SPPP) itu yang melibatkan pengelasan aduan awam kepada 4 tahap iaitu kritikal, segera, biasa dan tidak kritikal; penyediaan Prosedur Operasi Piawai (SOP); dan penyediaan Perjanjian Aras Perkhidmatan (SLA).

"Setiap aduan, teguran-teguran dan cadangan-cadangan orang awam dilihat sebagai satu proses memberi maklum balas yang membina, positif dan ke arah penambahbaikan.

"SPPP membolehkan dan memudahkan aduan yang dibuat penduduk Petaling Jaya direkod, di pantau dan

diambil tindakan oleh Jabatan atau Bahagian yang berkenaan," menurut Sekretariat Media Unit Perhubungan Awam MBPJ.

Setiap hari Rabu ditetapkan sebagai hari untuk memantau aduan dan hari Jumaat minggu pertama sebagai hari untuk orang ramai mengemukakan aduan.

ADUAN

Hotline
03-79542020

Emel
aduan@mbpj.gov.my

Laman web
www.mbpj.gov.my

Sistem pesanan ringkas (SMS)

33213

Faks **03-79551804**

**BERJASA...**

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah mewakili, DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, menyampaikan pingat sempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan yang ke-68 DYMM Sultan Selangor.

Seramai 180 orang dikurniakan pingat. Dalam majlis itu Raja Muda, turut diiringi Datuk Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali

Buka peluang kepada para usahawan Selangor

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Datuk Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali diharap akan membuka peluang lebih luas untuk usahawan di Selangor.

Pengusaha seni ukiran inovasi, Azizah Selamat, 46 berharap agar pembentangan bajet pada kali ini akan meluluskan peruntukan geran lebih besar kepada golongan tersebut.

Katanya, bantuan itu pasti dapat membantu menyemarakkan lagi perkembangan ekonomi rakyat Selangor.

"Kalau boleh, saya mahu kembangkan perniagaan sedia ada supaya boleh menggaji anak-anak yang berbakat dalam bidang seni ukir.

"Bukan sahaja manfaat dari segi ekonomi, malah dapat peelihara warisan budaya kita sejak zaman berzaman ini," katanya kepada Selangor Kini.



Azizah Selamat

Beliau merupakan antara peserta Karnival Usahawan PKNS (Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor) di Kompleks PKNS.

Sementara itu, seorang lagi peserta, Normalis Mahmud 42, pula berharap Kerajaan Negeri dapat mewujudkan pusat sehenti bagi golongan usahawan kecil.

"Di situ dapatlah kami menempatkan produk jualan kami, jadi lebih mudah kerana semuanya di bawah satu bumbung.



MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

KENYATAAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor **BUMIPUTERA** yang berdaftar di dalam kelas / bidang berkenaan dan pendaftarannya masih berkuatkuasa untuk menjalankan kerja-kerja berikut:

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARAF TENDER DAN SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
1	NO. TENDER: MDKL/JPTI/T:17/2014 Cadangan Menurap Semula Jalan Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan BB 4/1, 4/2, 4/3, 4/4, 4/5, 4/6, 4/7, 4/8, 4/9, 4/10, 4/11, 4/12, 4/13, 4/14, 4/15, 4/16, 4/17 & Lorong Tepi, Taman Banting Baru, Banting, Kuala Langat.	SPKK Gred: G4 Kategori: CE Pengkhususan: CE01 Pembinaan Jalan Dan Pavemen DAN CE42 Membuat Isyarat Dan Mengecat Jalan DAN UPEN Unit Perancang Ekonomi Negeri	Mulai: 2/10/2014 (KHAMIS) Unit Perolehan dan Aset Jabatan Khidmat Pengurusan Majlis Daerah Kuala Langat Tingkat 1, Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan. Nota: Petender dikehendaki membawa Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil ASAL SPKK (Sijil Perolehan Kerja Kerajaan) oleh CIDB serta Sijil Asal Taraf Bumiputera oleh PKK yang masih SAH TEMPOH LAKUNYA dan berdaftar dengan UPEN semasa membeli dokumen tender. Petender juga dikehendaki membawa PENDAFTARAN SSM ASAL untuk penyemakan kawasan pendaftaran syarikat.	Tarikh Tutup: 16/10/2014 (KHAMIS) Sebelum atau Pada Jam 12.00 tengahari Jabatan Khidmat Pengurusan Majlis Daerah Kuala Langat Tingkat 1, Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.

- Setiap dokumen Tender dijual dengan harga **RM 50.00**. Wang pembayaran tidak akan dikembalikan.
- Dokumen Meja Tawaran dipamerkan mulai **25/09/2014** di Unit Perolehan Dan Aset, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 1, Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.
- Bayaran dalam bentuk Wang Tunai / Deraf Bank atau Wang Pos di atas nama **Yang DiPertua Majlis Daerah Kuala Langat**.
- Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti tertera di atas.
- Petender yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
- Dokumen Tender yang telah kehabisan sebelum tarikh tutup tidak akan diulang cetak.

YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

Kaji keretakan batas bunyi KESAS

SUBANG JAYA - Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh bersama-sama wakil daripada Konsortium Expressway Shah Alam Selangor Sdn Bhd (Kesas) meninjau retakan pada batasan bunyi sepanjang Lebuhraya Shah Alam dan UEP Subang Jaya.

Hannah menggesa Kesas untuk mengkaji semula keberkesanan dan ketinggian batasan bunyi ekoran pertambahan lalu lintas di lebuhraya itu.

"Saya terima aduan daripada penduduk USJ 2 dan 3 berhubung keretakan itu dan menghantar surat dengan kadar segera kepada Kesas pada 25 September 2014, memaklumkan perkara itu. Kesas menjawab dengan pantas dan bawa kepada tinjauan hari ini," jelas Hannah.

Turut sama, wakil penduduk USJ 2 RA, Har Yin Geong dan USJ 3/1 RA, Andy Lam.

Hannah berterima kasih di atas kerjasama yang ditunjukkan dan berharap tindakan diambil dengan segera.



Hannah mendengar penerangan wakil KESAS berhubung retakan pada batas bunyi sepanjang Lebuhraya Shah Alam dan UEP Subang Jaya

SUNWAY
Nexis
ALWAYS REFRESHING,
ALWAYS HAPPENING

**HAB KOMERSIAL
BERSEPADU
DI DATARAN SUNWAY**

SOHO UNTUK DIJUAL BIZ SUITE 100% DIJUAL PEMBANGUNAN BERSEPADU AKAN DATANG

RUANG NIAGA UNTUK DIJUAL

JAMBATAN MENGHUBUNG TERUS KE STESEN MRT

Lakaran artis sahaja

Bakal Siap
Unit Bumiputera Sahaja

017 964 0822

Untuk butiran lanjut produk, imbas kod QR di bawah

Pemaju: Sunway Damansara Sdn Bhd [179182-V], The Property Gallery, Lobby Level, Menara Sunway, Jalan Lagoon Timur, Bandar Sunway, 46150 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan • Sunway Nexis Soho • Jenis: Soho 20 Tingkat • Lesen Pemaju: 6909-22/09-2016/1982 • Tempoh sah: 14/09/2011 - 13/09/2016 • No. Permit Iklan & Jualan: 6939-22/10-2014/01028PI • Tempoh sah: 05/10/2013 - 04/10/2014 • No. Keputusan Pelan Bangunan: MBPJ/120100/TP/10/545/2011 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Petaling Jaya • Pegangan: Pegangan pajakan 99 tahun - Tamat 23/11/2100 • Tarikh Jangka Siap: (Sept 2014) • Bebanan: TIAADA • Jumlah Unit: 147 unit • Harga: RM 764,000 (Min.), RM 2,013,700 (Max.) • Diskaun Bumiputera: 7% • Sokatan Kepentingan: Tanah tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau diubah tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu. Pihak Berkuasa: • Penafian: Semua gambaran adalah lakaran artis sahaja. Walaupun semua langkah wajar telah dilakukan untuk menyediakan maklumat ini, pihak pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang perubahan. Segala maklumat yang terkandung disini adalah tertakluk kepada perubahan sebagaimana yang diperlukan oleh Pihak Berkuasa atau perunding pemaju dan ia tidak boleh digunakan dalam pembentukan sebarang tawaran atau kontrak.

Usahasama di antara:

Tujuh tan sampah dikutip di Pasar Pagi



Kerja-kerja pembersihan giat dijalankan oleh MPK

KLANG - Majlis Perbandaran Klang (MPK) menganggarkan enam hingga tujuh tan sampah dikutip sekitar Pasar Pagi Jalan Papan.

Pengarah Jabatan Korporat dan Kemasyarakatan MPK, Zairezal Ahmad Zainudin, berkata kerja-kerja pembersihan bermula seawal jam 12 tengah hari itu akan berterusan sehingga lokasi sekitar bersih.

Katanya, hal itu ekoran sikap tidak bertanggungjawab segelintir peniaga yang me-

ngambil jalan mudah membuang sampah ke dalam longkang besar di belakang pasar berkenaan.

"Operasi pembersihan yang dilakukan Jabatan Perkhidmatan, yang melibatkan 15 pekerja dan beberapa jentera antaranya tiga buah lori satu tan, sebuah kompaktor 8 tan serta sebuah jengkaut.

"Ini memperlihatkan komitmen majlis dalam memastikan kawasan tersebut bebas daripada masalah kebersihan," katanya dalam kenyataan.

Sistem perparitan, sampah punca Kajang banjir

OLEH AFEEQA AFEERA

KAJANG - Kelemahan sistem perparitan, penyelenggaraan longkang dan kutipan sampah tidak konsisten dipercayai antara banjir kerap berlaku di sini.

Hujan lebat lebih sejam termasuk pekan Kajang dan Kampung Sungai Kantan dilanda banjir kilat 28 September lalu.

Ia mengakibatkan banjir berulang selepas berlaku 10 bulan lalu, selain Disember tahun lalu.

Kejadian itu menjejaskan peniaga dan orang awam berikutan harta dan kenderaan mereka rosak ditenggelami air.

Tinjauan mendapati rata-rata penduduk tidak berpuas hati terhadap perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang dianggap membuat bekerja 'sambil lewa'.

Mereka mendakwa pelbagai aduan dibuat tetapi tiada tindakan tegas Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) untuk menangani masalah itu.

Kakitangan swasta, Mohd



Mohd Shafiq

Shafiq Riduan, 28, berkata penduduk berhadapan banjir kilat hampir tiga kali sejak 2011 akibat pembangunan tidak terancang di situ.

Katanya, sistem perparitan yang kurang memuaskan tidak mampu menampung aliran air yang banyak, lebih-lebih lagi apabila hujan lebat.

Beliau berharap Kerajaan Negeri dan PBT melakukan tindakan drastik bagi memastikan rakyat tidak terus berdepan masalah sama lagi.



Ibrahim Yusoff

"Mereka bukan sahaja berdepan kesesakan trafik tetapi juga masalah banjir," katanya.

Pesara, Ibrahim Yusoff, 55, berkata masalah sampah paling ketara berikutan kebanyakan perangkap sampah di sungai tidak mampu menampung timbunan sisa pepejal yang banyak.

"Bila air naik, air tidak boleh jalan kerana terlalu banyak sampah di dalam sungai dan juga longkang.

"MPKj perlu angkat sampah



S Bathumalai

secara kerap kerana ia mengganggu saluran air. PBT hanya kutip sampah bila ada aduan, kalau tiada mereka diam," katanya.

Penduduk, S Bathumalai, 51, menetap hampir 20 tahun di situ menyifatkan masalah kutipan sampah berlaku sejak lama dulu tetapi kerja pembersihan jarang dibuat.

"Mereka (MPKj) ada datang bersihkan tetapi seminggu atau sebulan sekali sahaja.



Banjir teruk melanda pekan Kajang baru-baru ini

MPKj jalankan kerja-kerja pembersihan

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) giat menjalankan kerja-kerja pembersihan longkang dan sistem perparitan sekitar kawasan itu bagi memastikan masalah banjir kilat tidak berulang lagi.

Pegawai Perhubungan Awam Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Kamarul Izlan Sulaiman, berkata aktiviti pembersihan digerakkan sehingga lewat malam dan masih berterusan sehingga ia selesai sepenuhnya.

Katanya sistem perparitan juga akan ditingkatkan dari masa ke masa bagi menjamin penduduk tidak lagi berdepan masalah sama.

"Tindakan kita bagi menangani isu banjir kilat adalah membersihkan kawasan longkang perbandaran dan meningkatkan sistem perparitan.

"Semasa kejadian banjir kilat tempoh hari, kerja-kerja pembersihan dilakukan sehingga waktu malam dan sudah selesai sepenuhnya," katanya.

Baru-baru ini, hujan lebat selama lebih sejam menyebabkan beberapa kawasan termasuk pekan Kajang dan Kampung Sungai Kantan dilanda banjir kilat.



Sungai Kajang tidak mampu menampung limpahan air setiap kali hujan lebat

Wan Azizah mahu temui MPKj, JPS

SHAH ALAM - Adun Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mahu mengadakan pertemuan dengan pihak tertentu bagi mencari penyelesaian banjir di Kajang.

Malah, beliau mahu mengadakan pertemuan empat mata bersama Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor (JPS)

"Kita akan bincangkan masalah dan penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang berkenaan isu banjir kilat di Kajang.

Pejabat Adun Kajang akan bekerjasama dengan Unit Taskforce MPKj untuk memantau dan mengambil langkah proaktif jika banjir kilat berulang," katanya.

Beliau juga merakam penghargaan kepada ahli majlis, pegawai MPKj dan pegawai JPS kerana bertungkus-lumus membersihkan kawasan yang dilanda banjir kilat.

Sumbang RM87,420 bantu siswa

SHAH ALAM - Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB), menyumbang RM83,420 kepada 28 siswa dan pasca siswazah yang menuntut di institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara.

Ketua Pegawai Agama KDEB, Zaharudin Muhammad, berkata penerima terdiri daripada pelajar diploma, mahasiswa dan pasca siswazah, di antaranya sudah berkahwin, amat memerlukan untuk sara hidup keluarga, dan membayar kos pengajian.

Bahkan, seorang penerima mempunyai anak yang mengalami jangkitan saliran darah dan sedang dirawat di Unit Penjagaan Intensif, manakala satu pasangan dibantu kerana mengalami kecederaan parah dalam kemalangan motosikal.

"Kami amat bersimpati dengan pelajar-pelajar yang

sangat komited dan berazam tinggi untuk menamatkan pengajian mereka walaupun dalam keadaan yang amat mencabar.

"Atas rasa simpati, kami memperuntukkan hampir 90 peratus dari wang sumbangan zakat perniagaan untuk membantu pelajar-pelajar," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Setiap pelajar menerima sumbangan antara RM2,000 hingga RM5,000. Tujuh pelajar diploma dan mahasiswa sepenuh masa yang menuntut di Yaman, seorang di Jordan dan seorang pelajar yang sudah berumah tangga di United Kingdom akan menerima sumbangan melalui pos.

Selain itu, KDEB turut menyumbang RM4,000 untuk kerja-kerja baik pulih masjid usang.



Zaharudin (4 dari kanan) bersama sebahagian daripada penerima sumbangan berjumlah RM87,420

Bilik Utama 345 kaki persegi

RM 938
kaki persegi

RM260 / kaki persegi

3600
22'x75'

2 Bilik Utama +
3 Bilik

- Sistem sekuriti
- Pemanas solar
- Laman dalam
- Jumlah 71 Unit

KEDIAMAN YANG LUAS & SELESA
untuk Keluarga

S00: 0162105645 / JOE: 0163325443

www.enghan.com.my

Imbas Peta Waze

GPS Menyelaras
3.021587, 101.598466

Pemilik Tanah: REALITI FADQ SDN. BHD. (100%)
No. 31, Jalan SS4C/75, Taman Rasa Sayang, 47501 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

Durus oleh: ENG HAN

Rumah Teres 3 Tingkat - No. Lesen Pemaju: 12228-1/10-2015/1383, Tempoh Sah 12/10/2012 - 14/10/2015. No. Permit Iklan dan Jualan: 12228-1/12-2014/01431(P). Tempoh Sah: 20/12/2013 - 19/12/2014. Pelan Susunatur Diluluskan Oleh: Majlis Perbandaran Subang Jaya. No. Rujukan Pelan Bangunan: MPS2/BGN/KW/C-6/245(18). Sekatan-sekatan Kepentingan: Tanah ini boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai setelah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. Bobatan Tanah: Tiada. Jenis Hak Milik Tanah: 99 Tahun tamat 4 September 2107. Tarikh Dijangka Siap Dibina: April 2015. Jumlah Unit: 71 unit. Harga Dari: (min) RM808,000 (maks) RM1,474,000. 7% Diskaun Dumiputeri. *tertakluk kepada terma dan syarat.

Air, rumah, pengangkutan patut diberi perhatian

SHAH ALAM - Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) mahu Menteri Besar baru, Mohamed Azmin Ali dan barisan exco memberikan penumpuan khusus isu air, perumahan dan pengangkutan dengan hak pengguna terpelihara.

Timbalan Presidennya, Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata projek perumahan rakyat mampu milik perlu diperbanyakkan supaya lebih ramai rakyat berpeluang memiliki rumah sendiri.

"Kemudahan pengangkutan awam mesti dipertingkatkan. Sistem pengangkutan awam secara percuma seperti di Petaling Jaya yang diilhamkan bekas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, perlu diperluaskan lagi.

"Ia berkesan dan meringankan bebanan ditanggung rakyat," katanya kepada

“**Perkara ini perlu diberi perhatian supaya tidak timbul lagi masalah catuan air di Selangor**

MOHD YUSOF
Timbalan Presiden FOMCA

Selangor Kini.

Mohd Yusof berkata, isu bekalan air dilihat agak kritikal dengan terdapat kawasan empangan dengan air mencatat bacaan rendah.

"Perkara ini perlu diberi perhatian supaya tidak timbul lagi masalah catuan air di Selangor.

Begitu juga dengan pengstruktur semula air yang perlu memberi manfaat kepada rakyat," katanya.

OLEH NAEEM RAFFI

SHAH ALAM - Datuk Bandar Petaling Jaya, Datin Paduka Alinah Ahmad dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) membentangkan pelan strategik, mengenal pasti punca kesesakan lalu lintas di lokasi tumpuan.

Beberapa langkah diambil seperti Projek Jalan Sehala yang melibatkan Jalan Utara, Jalan Timur, Jalan Barat, Jalan Sultan dan Jalan Yong Shook Lin.

“Projek tersebut melibatkan dua fasa yang mana fasa 1, bermula pada Julai hingga September 2014.

“Sistem jalan sehala ini akan dilaksanakan secara percubaan selama 3 bulan bermula 12 Oktober 2014 sehingga 12 Januari 2015,” menurut Sekretariat Media Unit Perhubungan Awam MPBJ.

Fasa 1 melibatkan kerja pembukaan pembahagi jalan, penebangan dan pengalihan pokok, pemasangan papan tanda isyarat sementara serta kerja mengecat jalan.

Fasa 2 melibatkan kerja penurapan jalan, penyediaan laluan pejalan kaki dan laluan basikal, pemasangan lampu jalan, pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) dan bumbung pejalan kaki, pemasangan papan tunjuk isyarat dan tanda arah serta lagi kerja mengecat jalan.

“Majlis berharap supaya sistem ini juga dapat menjadikan lalu lintas lebih lancar,” katanya.

Jalan sehala atasi masalah kesesakan



Gambaran keadaan di Jalan Utara sekiranya jalan sehala dilaksanakan di kawasan tersebut



INFO

Untuk sebarang maklumat dan keterangan lanjut orang ramai boleh melayari laman web rasmi Majlis www.mbpj.gov.my atau menghubungi **Jabatan Kejuruteraan Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 13, Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya** no. telefon: **03-7958 4221** emel : jalansehalasek52@mbpj.gov.my

Perlu kerjasama masyarakat untuk banteras wabak denggi

“

Kerjasama masyarakat melaksanakan Kempen 10 Minit dan gotong royong amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan

DATUK ASMAWI KASBI
Yang Dipertua MPSJ

INFO GRAFIK

MPSJ memberi tumpuan kepada lapan kawasan 'hotspot' yang dikenal pasti berlaku kes denggi iaitu

- SS 17/1 Subang Jaya dengan 40 kes,
- Taman Puchong Utama 12 (35),
- Pusat Bandar Puchong (Jalan Wawasan 2) (15),
- Bandar Bukit Puchong 1 (Flat Bandar Bukit Puchong)
- SS 14/6 Subang Jaya (14),
- Taman Equine (Putra Permai Apartment) (12),
- PJS 9 Bandar Sunway (PJS 9/2 – PJS 9/30) (lapan)
- USJ 18 Subang Jaya (enam)



SUBANG JAYA - Masyarakat perlu bekerjasama menjaga kebersihan kawasan kediaman dan persekitaran dalam usaha mencegah dan membanteras wabak denggi di Subang Jaya daripada berleluasa.

Usaha berterusan perlu dilakukan bagi memastikan bandar itu tidak menghadapi masalah penularan wabak hingga ke tahap membimbangkan.

Sebanyak 6,000 kes dilaporkan berlaku di kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dari Januari hingga 27 September lalu.

“Sehubungan itu, dalam memerangi kes denggi adalah menjadi harapan MPSJ agar penduduk perlu memastikan kawasan premis masing-masing bebas daripada menjadi tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk mencari dan memusnahkan tempat berkenaan.

“Kerjasama masyarakat melaksanakan Kempen 10 Minit dan gotong royong amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan,” kata Yang Dipertua MPSJ, Datuk Asmawi Kasbi dalam ucapan Mesyuarat Bulanan MPSJ di sini, baru-baru ini.

WAKTU SOLAT SELANGOR

3 - 10 OKTOBER 2014

8 - 15 ZULHIJAH 1435H

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
03 Jumaat	5:35	5:45	7:01	1:05	4:16	7:06	8:15
04 Sabtu	5:35	5:45	7:01	1:05	4:16	7:06	8:15
05 Ahad	5:34	5:44	7:00	1:05	4:17	7:06	8:15
06 Isnin	5:34	5:44	7:00	1:04	4:17	7:05	8:14
07 Selasa	5:34	5:44	7:00	1:04	4:17	7:05	8:14
08 Rabu	5:34	5:44	7:00	1:04	4:17	7:04	8:14
09 Khamis	5:33	5:43	7:00	1:03	4:17	7:04	8:13
10 Jumaat	5:33	5:43	6:59	1:03	4:17	7:04	8:13

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
03 Jumaat	5:37	5:47	7:03	1:07	4:18	7:08	8:17
04 Sabtu	5:37	5:47	7:03	1:07	4:18	7:08	8:17
05 Ahad	5:36	5:46	7:02	1:07	4:19	7:08	8:17
06 Isnin	5:36	5:46	7:02	1:06	4:19	7:07	8:16
07 Selasa	5:36	5:46	7:02	1:06	4:19	7:07	8:16
08 Rabu	5:36	5:46	7:02	1:06	4:19	7:06	8:16
09 Khamis	5:35	5:45	7:02	1:05	4:19	7:06	8:15
10 Jumaat	5:35	5:45	7:01	1:05	4:19	7:06	8:15

Selangor Kini

MASALAH SAMPAH?
Hubungi Talian Bebas Tol
1-800-88-2824

Longgarkan syarat yuran UNISEL - Anwar

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu Universiti Selangor (Unisel) melonggarkan syarat bayaran yuran yang mungkin membebaskan pelajar miskin.

Beliau berkata yuran tinggi menjadi halangan kepada pelajar daripada mengambil peperiksaan sehingga yuran dilangsaikan adalah antara kritiknya terhadap pentadbiran Menteri Besar lepas.

“Kalau sah pelajar itu miskin, universiti tidak boleh halang daripada menduduki peperiksaan. Menghukum pelajar yang tak boleh bayar yuran untuk tidak duduki peperiksaan.

“Saya tidak boleh terima dengan pentadbiran lalu walaupun beliau (Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim) sahabat baik saya dan keluarga,” katanya.

Ketua Umum Parti PKR itu berkata demikian pada ucapannya sempena program ‘Memerangi Ekstrimisme’ di Unisel, 29 September lalu.

Tanpa menyalahkan Unisel, Anwar berkata dasar pentadbiran Abdul Khalid itu tidak boleh diterima kerana Kerajaan Negeri memiliki banyak lebihan wang (rizab).

“Itu polisi Kerajaan Negeri, sedangkan kita mahu sekiranya pelajar tidak mem-



JUARA... Pasukan Pilihan Selangor berjaya menewaskan pasukan Pilihan Singapura 2-1 di Stadium Shah Alam. Kira-kira 70,000 penonton menyaksikan perlawanan itu yang turut dihadiri DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Datuk Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali. Dua gol Pilihan Selangor dijaringkan Paulo Rangel pada minit ke-45 melalui sepakan penalti dan gol kedua pada minit ke-79. Manakala gol Pilihan Singapura dijaringkan Leonel Felice pada minit ke-68

punyai wang itu tidak mengapa (dan boleh meneruskan pengajian).

Bagaimanapun, katanya, hal itu sudah ditekankan ke-

pada Datuk Menteri Besar baharu, Mohammad Azmin Ali yang bakal dilantik Pengerusi Unisel.

“Saya sudah berjumpa de-

ngan Azmin dan tekankan supaya pelajar yang disahkan miskin tidak boleh dilarang untuk menduduki peperiksaan.

- Mahasiswa akui kes penamatan akibat yuran
 - MPP: Jangan yuran rendah tapi kemudahan ditarik
- muka 6 & 7**



Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) TERKINI!!!

Tarikh tutup pendaftaran Ahli TAWAS adalah pada ulang tahun KETIGA pemohon Anak - anak Selangor yang belum mencapai usia 3 TAHUN atau lahir bermula dari 9 Julai 2011 dipelawa untuk mendaftar sebagai Ahli TAWAS.

CEPAT, DAFTAR SEKARANG!!!

Maklumat lanjut sila layari www.tawas.org.my atau hubungi **03 - 5521 8740 / 8741**

Manfaat:

- Skim Khairat Kematian bernilai RM 1,500*
- Berkuatkuasa pada 1 Mac 2014
- Hadiah Kelahiran 2008 : Buzzer Jom Shopping RM 100
- Hadiah Kelahiran 2009 : Bonus RM 30
- Hadiah Kelahiran 2010 : Bonus RM 30
- Hadiah Kelahiran 2011 :
- Hadiah Kelahiran 2012 :

“Jom Daftar & Dapatkan Penyata Simpanan Tawas rm1,500”

selangor

Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Dicetak oleh Percetakan Turbo (M) Sdn Bhd (140879-U), No. 8, Jalan Sekinchan 26/9, Seksyen 26, Shah Alam, Selangor. Telefon: 03-51929800 Faks: 03-51929819